



NEGERI SELANGOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 48
No. 24

23hb November 1995

*TAMBAHAN No.23
PERUNDANGAN*

Sel. P.U. 46.

ENAKMEN PENTADBIRAN PERUNDANGAN ISLAM
1989

FATWA TENTANG GOLONGAN ANTI-HADITH

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 31(1) dan seksyen 32, Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam 1989, Mufti bagi Negeri Selangor selepas berbincang dengan Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' membuat fatwa seperti yang dinyatakan dalam Jadual.

En. 2/1989.

JADUAL

(1) BAHAWA-

(a) buku-

- (i) "Hadis Satu Penilaian Semula"; dan
- (ii) "Hadis Jawapan Kepada Pengkritik", yang ditulis oleh Kassim Ahmad;

(b) buku-

- (i) "Pendedahan Kebenaran Adalah Dari Tuhanmu" dan
- (ii) "Hadith di dalam al-Quran", yang ditulis oleh Idris Abdul Rahman;

(c) buku "Bacaan" yang ditulis oleh Othman Ali,

- (d) Buku “The Computer Speaks-God’s Message to The World” yang ditulis oleh Dr.Rashad Khalifa; dan
- (e) risalah “Iqra” terbitan Jemaah al-Quran Malaysia.

adalah mengandungi antara lain, ajaran dan fahaman yang menolak hadith sahih (iaitu hadith yang disahkan bersumber daripada Rasulullah s.a.w.) sebagai sumber aqidah dan perundangan Islam, menghina Al-Quran dengan mempertikaikan kesahihan serta memesongkan pengertian sebenar ayat-ayat Al-Quran. Oleh yang demikian, buku-buku dan risalah itu adalah mengandungi ajaran dan fahaman yang bertentangan dengan ‘aqidah, Syariah dan akhlak Islam.

(2) OLEH YANG DEMIKIAN-

- (a) mana-mana orang atau kumpulan orang yang berpegang pada ajaran-ajaran dan fahaman-fahaman yang terkandung dalam buku-buku dan risalah yang dinyatakan dalam perenggan (1) adalah murtad;
- (b) percetakan, penerbitan, pemilikan, penyiaran, penyebaran atau pengedaran mana-mana buku atau risalah yang dinyatakan dalam perenggan (1) termasuk-
 - (i) apa-apa bentuk, versi atau variasinya;
 - (ii) apa-apa terjemahannya dalam apa-apa bahasa;
 - (iii) apa-apa bahan publisiti yang bertujuan memberikan publisiti kepada mana-mana buku atau risalah itu, pada atau atas apa-apa bahan, sama ada bahan cetak atau elektronik atau selainnya, atau melalui apa-apa media, adalah haram;
- (c) pengajaran, pembelajaran, pengamalan dan penyebaran ajaran-ajaran atau fahaman-fahaman yang terkandung dalam mana-mana buku atau risalah yang dinyatakan dalam perenggan (1) adalah haram;
- (d) adalah haram bagi orang Islam menjadi anggota atau memimpin atau membantu dalam menghidupkan atau mengembangkan mana-mana kumpulan yang berpegang pada ajaran-ajaran dan fahaman-fahaman yang terkandung dalam mana-mana buku atau risalah yang dinyatakan dalam perenggan (1).

Dibuat pada 19hb Oktober 1995

Made the 19th October 1995

[JAI. Sel. 8014/7 Jilid IV; P.U. Sel. AGM/0007.]

DATO’ HAJI ISHAK BIN HAJI BAHAROM
Mufti
Negeri Selangor